

08/08/1999

PM arah kurangkan kerenah birokrasi

Salina Abdullah; Fadzil Aziz

KLANG: Perdana Menteri mengarahkan semua agensi kerajaan mengurangkan kerenah birokrasi dalam usaha mempercepatkan kelulusan permohonan sesuatu projek pembangunan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu penting bagi memastikan projek pembangunan, termasuk projek perumahan dapat dilaksanakan segera untuk memenuhi keperluan rakyat.

Arahan Perdana Menteri itu yang diulangi dalam Mesyuarat Mingguan Kabinet, Rabu lalu ditujukan kepada semua agensi kerajaan, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Mengumumkan perkara itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, kerajaan menerima banyak rungutan daripada sektor swasta berhubung kelewatan agensi kerajaan memberi kelulusan kepada permohonan projek pembangunan.

"Ini satu isu yang diambil berat oleh kerajaan malah kerajaan juga sudah beberapa kali memberitahu institusi di bawahnya supaya menangani masalah itu.

"Namun, sehingga kini masalah ini masih berlaku. Sehubungan itu, Perdana Menteri dalam mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini mengarahkan semua agensi kerajaan, termasuk PBT supaya meneliti hal ini dan membantu pihak swasta dengan mempercepatkan kelulusan permohonan mereka," katanya.

Dr Ting berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan beban kewangan swasta berikutan permohonan mereka lewat diluluskan.

Tanpa menetapkan tempoh tertentu bagi kelulusan itu, beliau berkata, Perdana Menteri mahu sesuatu projek itu diluluskan secepat mungkin dan bukannya berbulan-bulan atau bertahun-tahun seperti sesetengah kes sekarang.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan jualan 215 unit rumah teres dua tingkat jenis Kediaman Canary dan pembukaan jalan masuk utama projek Bandar Bukit Tinggi, dekat sini, semalam.

Dr Ting berkata, agensi kerajaan harus bersikap proaktif dan segera menyelesaikan sebarang masalah yang timbul berkaitan kelulusan sesuatu projek, seperti segera menghubungi pemaaju jika dokumen yang dikemukakan tidak lengkap.

"Mereka harus berubah sikap ... mereka harus proaktif. Jangan tunggu sampai pemaaju datang dan bertanyakan status permohonan mereka," katanya sambil memberitahu keupayaan mengatasi masalah itu memanfaatkan semua pihak, termasuk kerajaan yang mendapat hasil cukai daripada keuntungan pemaaju.

Menurutnya, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri pada masa ini ada menetapkan garis panduan untuk kelulusan cepat bagi sesuatu projek tetapi ia tidak dipatuhi sepenuhnya.

Ditanya sama ada agensi kerajaan akan dikenakan tindakan jika gagal mematuhi arahan itu, Dr Ting berkata: "Hal ini tidak dibincangkan.

"Namun, kita yakin semua agensi kerajaan akan memberi sokongan dan kerjasama sewajarnya bagi menjayakan langkah ini."

(END)